UNITED OVERSEAS BANK (MALAYSIA) BHD A

lwn.

QUEK KWANG WHEE

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, JOHOR BAHRU B
KAMARDIN HASHIM PK
[GUAMAN SIVIL NO: MT4-22-796-2005]
19 MEI 2009

KONTRAK: *Gerenti - Liabiliti - Sama ada liabiliti defendan tidak jelas dan mengelirukan - Sama ada surat gerenti tidak sah - Balasan lampau - Sama ada tidak terpakai terhadap surat gerenti yang berterusan - Sama ada pembelaan defendan tidak mempunyai merit - Sama ada Aturan 14 Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980 sesuai terpakai dalam kes ini* C D

PROSEDUR SIVIL: *Penghakiman - Penghakiman terus - Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980, A. 14 - Rayuan terhadap penghakiman terus - Gerenti - Liabiliti - Sama ada liabiliti defendan tidak jelas dan mengelirukan - Sama ada pembelaan defendan tidak bermerit - Sama ada A. 14 Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980 sesuai terpakai dalam kes ini* E

Ini adalah rayuan defendan terhadap keputusan Timbalan Pendaftar (TP) yang telah membenarkan permohonan plaintif untuk memasukkan penghakiman terus di bawah A. 14 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 terhadap defendan untuk jumlah RM315,000 bersama dengan faedah dengan kos. Fakta ringkas adalah plaintif telah memberikan kemudahan pinjaman perumahan dan kemudahan overderaf kepada satu Liew Poh Kiat (peminjam tersebut). Defendan telah menjadi penjamin kepada peminjam tersebut dan telah menandatangani satu surat gerenti (surat gerenti tersebut). Peminjam tersebut telah melanggari syarat-syarat kemudahan pinjaman perumahan tersebut dan syarat-syarat kemudahan overderaf tersebut. Defendan telah menerima notis tuntutan plaintif tetapi enggan membuat bayaran yang dituntut. Pembelaan defendan adalah surat gerenti tersebut dikatakan tidak sah dan batal serta tidak boleh dilaksanakan terhadap defendan. Defendan memberikan dua alasan atas dakwaan tersebut iaitu (a) defendan menyatakan bahawa liabiliti defendan di bawah surat gerenti tersebut adalah tidak jelas dan mengelirukan. Surat gerenti tersebut menyatakan jaminan dalam matawang Singapura sedangkan melalui surat tawaran kemudahan-kemudahan tersebut F G H I

kepada peminjam tersebut, jaminan yang perlu diberikan kepada plaintif hanyalah RM315,000 iaitu dalam matawang Malaysia; (b) defendan berhujah bahawa alasan kepada surat gerenti tersebut adalah lampau masa (past consideration) oleh kerana wang pinjaman telah pun lama dibayar (disbursed) sebelum tarikh surat gerenti tersebut dan balasan lampau tidak mampu untuk menyokong sesuatu janji (promise). Defendan juga berhujah bahawa beliau tidak mempunyai sebarang kepentingan ke atas pinjaman yang dibuat oleh peminjam tersebut dan defendan tidak mendapat sebarang keuntungan daripadanya, oleh itu balasan lampau bukanlah satu balasan yang baik.

Diputuskan (menolak rayuan defendan):

(1) Oleh kerana defendan seorang warganegara asing maka surat gerenti tersebut hendaklah di dalam matawang negara asing yang bersamaan dengan nilai prinsipal kemudahan yang telah diberikan kepada peminjam tersebut iaitu RM315,000 tetapi bayaran oleh defendan hendaklah dibuat dalam matawang negara asing tersebut iaitu Singapura. Oleh itu tafsiran defendan bahawa surat gerenti itu membawa maksud SD$315,000 bersamaan dengan RM315,000 adalah tidak munasabah dan tidak benar. Ini adalah salah tanggapan oleh pihak defendan sendiri. Walau apapun, had liabiliti defendan dalam kes ini tetap RM315,000. Cuma pembayarannya sahaja dalam matawang Singapura. Oleh itu hujahan defendan bahawa surat gerenti tersebut tidak jelas serta mengelirukan tidak berasas dan tidak dapat diterima oleh mahkamah ini. (perenggan 8)

(2) Undang-undang mengenai balasan lampau adalah jelas iaitu balasan lampau adalah tidak terpakai terhadap sesuatu surat gerenti seperti di dalam kes ini kerana ianya adalah satu surat gerenti yang berterusan (continuing guarantee). Hujahan defendan bahawa pelaksanaan surat gerenti tersebut bukan 'at the desire of the defendant/guarantor' dan bahawa defendan tidak mempunyai apa-apa kepentingan ke atas pinjaman tersebut, juga tidak berasas. Pada tarikh pengeluaran surat tawaran kemudahan tersebut kepada peminjam, peminjam tersebut telah sedia maklum bahawa beliau perlu mendapatkan seorang penjamin dan telah memberikan nama defendan sebagai penjamin yang dicadangkan. Oleh itu, sebelum nama defendan dicadangkan, defendan pasti telah dihubungi oleh penjamin tersebut untuk tujuan tersebut dan telah pasti defendan telah pun memberikan persetujuan beliau untuk menjadi penjamin

kepada peminjam tersebut. Ini semua berlaku sebelum surat tawaran tersebut dikeluarkan. Oleh itu tidak munasabah hujahan defendan bahawa pinjaman tersebut tidak dipohon oleh defendan sendiri. Defendan sendiri tidak pernah menafikan bahawa kemudahan perbankan telah diberikan kepada peminjam tersebut serta tidak pernah menafikan telah melaksanakan surat gerenti tersebut. Oleh itu, pembelaan defendan di sini satu yang sia-sia dan satu pembelaan kosong yang cuba 'menegakkan benang yang basah'. Pembelaan defendan dalam kes ini kesemuanya tidak bermerit. (perenggan 9, 11 & 13)

(3) Ini adalah satu kes yang sesuai di mana A. 14 Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980 terpakai. Rayuan defendan untuk mengenepikan keputusan TP tidak berasas dan keputusan TP adalah betul apabila membenarkan permohonan plaintif untuk memasukkan penghakiman terus terhadap defendan dalam kes ini. Keputusan TP dikekalkan. (perenggan 15)

Kes-kes yang dirujuk:

Bank Negara Malaysia v. Mohd Ismail Ali, Johor & Ors [1992] 1 CLJ 627; [1992] 1 CLJ (Rep) 14 SC ***(dirujuk)***

Cempaka Finance Bhd v. Ho Lai Ying & Anor [2006] 3 CLJ 544 FC ***(dirujuk)***

Development & Commercial Bank Bhd v. Syarikat Farmco Sdn Bhd & Ors [1988] 3 MLJ 275 ***(dirujuk)***

Goh Swee Hoon & Anor v. Ewings (Australia) Pty Ltd [1987] 2 MLJ 653 ***(dirujuk)***

Lampleigh v. Braithwait [1615] Hobart 105 ***(dirujuk)***

Malaysia Smelting Corpn Bhd v. Foong Weng Yee & Ors [1994] 4 CLJ 723 HC ***(dirujuk)***

Pacific & Orient Insurance Co Sdn Bhd v. Gimstern Corporation (M) Sdn Bhd & Ors [1989] 2 CLJ 721 HC ***(dirujuk)***

Perwira Affin Merchant Bank Bhd v. Dato' Soh Chee Wen [1999] 1 LNS 170 HC ***(dirujuk)***

Perwira Habib Bank (M) Bhd v. Saiyo Sdn Bhd & Ors [1991] 3 CLJ 1849; [1991] 3 CLJ (Rep) 451 HC ***(dirujuk)***

Public Bank Bhd v. Nik Chee Kok & Ors [2003] 6 CLJ 401 HC ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:

Contracts Act 1950, ss. 2(d), 30, 80
Rules of the High Court 1980, O. 14

Bagi pihak plaintif/responden - Ivy Quek Jin Tan; T/n Leng & Co
Bagi pihak defendan/perayu - Norliza Ibrahim; T/n TS Chong & Co

Dilaporkan oleh Suhainah Wahiduddin

A

PENGHAKIMAN

Kamardin Hashim PK:

Rayuan Defendan

B **[1]** Di hadapan saya adalah rayuan kepada hakim dalam kamar di lampiran 34 yang difailkan oleh defendan yang merayu terhadap keputusan Tuan Timbalan Pendaftar (TP) bertarikh 13 Jun 2008 yang telah membenarkan permohonan plaintif untuk memasukkan penghakiman terus di bawah A. 14 Kaedah-Kaedah Mahkamah C Tinggi 1980 terhadap defendan untuk jumlah RM315,000 bersama dengan faedah dan kos. Pendengaran rayuan ini adalah melalui secara pendengaran semula. Permohonan plaintif untuk penghakiman terus dibuat melalui saman dalam kamar bertarikh 4 Januari 2007 di lampiran 19, disokong oleh affidavit menyokong D yang diikrarkan oleh Liew Pui Shin pada 28 Disember 2006 dilampiran 18. Defendan membantah permohonan ini melalui afidavit jawapan defendan bertarikh 1 Januari 2007 di lampiran 20 dan plaintif memfailkan afidavit kedua oleh deponan yang sama bertarikh 9 Januari 2007 di lampiran 21.

E

Latarbelakang Fakta Kes

[2] Fakta ringkas kes adalah seperti berikut. Plaintif telah memberikan kemudahan berikut kepada seorang bernama Liew Poh F Kiat (peminjam tersebut), iaitu:

(a) satu kemudahan pinjaman perumahan untuk jumlah prinsipal sebanyak RM175,000 (pinjaman perumahan tersebut); dan

(b) satu kemudahan overderaf dalam jumlah prinsipal sebanyak G RM175,000 yang kemudiannya dikurangkan kepada jumlah prinsipal sebanyak RM140,000 melalui surat plaintif bertarikh 2 Julai 2003 (kemudahan oberderaf tersebut).

[3] Defendan telah menjadi penjamin kepada peminjam tersebut H dan telah menandatangani satu surat gerenti yang bertarikh 15 Julai 2003 (surat gerenti tersebut). Peminjam tersebut telah melanggari syarat-syarat kemudahan pinjaman perumahan tersebut dan syarat-syarat kemudahan overderaf tersebut. Satu notis tuntutan telah pun dihantar oleh plaintif kepada defendan bertarikh I 30 Mac 2005 dan defendan telah mengakui terima notis tersebut tetapi enggan membuat bayaran yang dituntut. Tuntutan plaintif terhadap defendan di sini adalah berdasarkan kepada surat gerenti dan notis tuntutan plaintif bertarikh 30 Mac 2005 tersebut.

[4] Bagi tujuan membuktikan jumlah yang terhutang oleh peminjam tersebut, plaintif telah pun mengeluarkan satu sijil keberhutangan (certificate of indebtedness) yang dikeluarkan menurut kl. 12 surat gerenti tersebut dan sijil tersebut adalah merupakan satu bukti yang konklusif dan muktamad bagi menunjukkan jumlah yang terhutang dan kena dibayar di bawah surat gerenti tersebut. Klausa 12 surat gerenti itu menyatakan:

> 12. A statement signed by your manager or any one of your officers as to the monies and liabilities for the time being due or incurred to you from or by the Customer shall be final and conclusive evidence against us of the indebtedness of the Customer to you for all purpose including legal proceedings.

Hujahan Defendan

[5] Pembelaan defendan adalah surat gerenti tersebut dikatakan tidak sah dan batal serta tidak boleh dilaksanakan terhadap defendan. Defendan memberikan dua alasan atas dakwaan tersebut, iaitu:

(1) Alasan pertama, defendan menyatakan bahawa liabiliti defendan di bawah surat gerenti tersebut adalah tidak jelas dan mengelirukan. Surat gerenti tersebut menyatakan jaminan dalam matawang Singapura sedangkan melalui surat tawaran kemudahan-kemudahan tersebut kepada peminjam tersebut, jaminan yang perlu diberikan kepada plaintif hanyalah RM315,000 iaitu dalam matawang Malaysia. Defendan merujuk kepada kl. 5 surat gerenti tersebut yang menyatakan seperti berikut:

> The total amount recoverable from us under this guarantee shall be limited to Three Hundred and Fifteen Thousand only Singapore Dollars equivalent of the principle sum of Ringgit Malaysia Three Hundred and Fifteen Thousand (RM315,000.00) only at the date of payment with interest and commission thereon and all costs charges and expenses referred to in Clause 1 hereof.

Manakala kl. 3.3 'Revision of Credit Facilities' memperuntukkan:

> personal guarantee for RM315,000.00 is to be executed by Quek Kwang Whee ...

Memandangkan liabiliti defendan adalah tidak jelas iaitu sama ada dalam matawang Malaysia atau pun mata wang Singapura,

maka defendan berhujah bahawa surat gerenti tersebut adalah tidak sah di bawah s. 30 Akta Kontrak 1950. Seksyen 30 Akta itu memperuntukkan seperti berikut:

> 30. Agreements void for uncertainty.
>
> Agreements, the meaning of which is not certain, or capable of being made certain, are void.

(2) Alasan kedua, defendan berhujah bahawa balasan kepada surat gerenti tersebut telah lampau masa (past consideration) oleh kerana wang pinjaman telah pun lama di bayar (disbursed) sebelum tarikh surat gerenti tersebut. Defendan berhujah balasan lampau tidak mampu untuk menyokong sesuatu janji (promise). Defendan telah merujuk kepada beberapa peruntukkan di dalam Akta Kontrak 1950, iaitu s. 2(d) dan s. 80 ilustrasi (c) yang memperuntukkan seperti berikut:

> 2. Interpretation.
>
> In this Act the following words and expressions are used in the following senses, unless a contrary intention appears from the context:
>
> (d) when, at the desire of the promisor, the promisee or any other person has done ar abstained from doing, or does or abstains from doing, or promises to do or to abstain from doing, something, such act or abstinence or promise is called a consideration for the promise;
>
> 80. Consideration for guarantee.
>
> Anything done, or any promise made, for the benefit of the principal debtor may be a sufficient consideration to the surety for giving the guarantee.
>
> (c) A sells and delivers goods to B. C afterwards, without consideration, agrees to pay for them in default of B. The agreement is void.

Defendan berhujah bahawa balasan lampau yang wujud iaitu pinjaman diluluskan sebelum defendan menandatangani surat gerenti tersebut bukanlah "at the desire of the promisor". Defendan tidak mempunyai sebarang kepentingan ke atas pinjaman yang dibuat oleh peminjam tersebut dan defendan tidak mendapat sebarang keuntungan daripadanya, oleh itu balasan lampau bukanlah satu balasan yang baik. Defendan juga berhujah bahawa sepatutnya surat gerenti tersebut hendaklah ditandatangani pada tarikh yang sama peminjam tersebut menandatangani surat tawaran pinjaman tersebut.

Undang-Undang Penghakiman Terus

[6] Adalah prinsip undang-undang asas mengenai sesuatu permohonan di bawah A. 14 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 bahawa permohonan hanya akan dibenarkan dalam kes-kes yang jelas dan nyata sahaja. Hal ini telah diputuskan dalam kes yang tidak asing lagi iaitu *Bank Negara Malaysia v. Mohd Ismail Ali Johor & Ors* [1992] 1 CLJ 627; [1992] 1 CLJ (Rep) 14 bahawa "the defence need only show that there is a triable or question or that for some other reason there to be a trial, and leave to defence ought to be given". Namun isu yang dipertikaikan itu mestilah merupakan sesuatu isu yang *bona fide* untuk dibicarakan. Sesuatu isu itu dikatakan 'triable issue' bergantung kepada pengataan-pengataan yang terkandung di dalam affidavit-afidavit yang difailkan oleh pihak-pihak dalam permohonan tersebut. Seperti kata YA Hakim Abdul Wahab dalam kes *Perwira Affin Merchant Bank Bhd v. Dato' Soh Chee Wen* [1999] 1 LNS 170, katanya:

> ... the court has to be satisfied on the affidavit evidence that the defence has not only raised an issue, but also that the said issue is triable. The determination of whether or not an issue is triable depends on the facts arising from each case as disclosed in the affidavit evidence before the court. There must be sufficient facts disclosed on the affidavit evidence to show there is substance to the assertions, a final determination upon which is best made after discovery, interrogatories, and or examination of witness as the parties think fit, in a trial ... A triable issue is an assertion that not only has been raised and is denied or disputed, but is one upon which there is some evidence that is not equivocal or lacking in precision, or is not consistent with undisputed contemporary documents or other statements by the same deponent, or is not inherently improbable in itself, to support it.

Isu (1): Surat Gerenti Mengelirukan

[7] Adalah juga menjadi prinsip undang-undang asas bahawa liabiliti penjamin tidak seharusnya melebihi liabiliti kepada peminjam. Kemudahan kredit yang telah diberikan kepada peminjam adalah sebanyak RM315,000 iaitu RM175,000 bagi pinjaman perumahan dan RM140,000 bagi Kemudahan Overderaf. Oleh itu secara logiknya liabiliti defendan tidak akan melebihi RM315,000. Di dalam surat tawaran jelas dinyatakan bahawa defendan perlu memberikan satu jaminan untuk jumlah RM315,000. Oleh itu dakwaan defendan terdapat kekeliruan mengenai jumlah prinsipal dalam surat gerenti tersebut adalah satu pengataan yang kosong dan tidak berasas. Jika dilihat kepada surat gerenti seperti

A diperenggan 5(1) di atas, jelas menunjukkan bahawa tidak ada sebarang kekeliruan. Baris kedua iaitu "Singapore Dollar equivalent of the principal sum of Ringgit Malaysia Three Hundred And Fifteen Thousand" membawa maksud yang lebih nyata bahawa surat gerenti tersebut hendaklah dibayar dalam matawang B Singapura tetapi tertaklok kepada had maksima sebanyak RM315,000. Defendan merupakan seorang warganegara Singapura, maka jaminan di bawah surat gerenti tersebut hendaklah dibayar di dalam matawang asing sebagaimana yang ditetapkan oleh pihak Bank Negara Malaysia. Eksibit UOB6 dilampiran 21 dibutiran 33 C kepada "Penjelasan Bank Negara Malaysia kepada notis pertukaran asing" menyatakan perkara berikut:

> 33 Financial guarantees: Obtained by residents from Licensed Offshore Banks or non-resident individuals, non-resident shareholder which are subsidiaries, associate or related companies and which are not financial institutions, after 1300 hours on 1 September 1998.
>
> The financial guarantees obtained from all the parties stated above must be denominated in foreign currency; …

E **[8]** Dalam keadaan kes kita sekarang, oleh kerana defendan seorang warganegara asing maka surat gerenti tersebut hendaklah di dalam matawang negara asing yang bersamaan dengan nilai prinsipal kemudahan yang telah diberikan kepada Peminjam F tersebut iaitu RM315,000 tetapi bayaran oleh defendan hendaklah dibuat dalam matawang negara asing tersebut iaitu Singapura. Oleh itu tafsiran defendan bahawa surat gerenti itu membawa maksud SD$315,000 bersamaan dengan RM315,000 adalah tidak munasabah dan tidak benar. Ini satu salah tanggapan oleh pihak G defendan sendiri. Walau apapun, had liabiliti defendan dalam kes ini tetap RM315,000. Cuma pembayarannya sahaja dalam matawang Singapura. Oleh itu hujahan defendan bahawa surat gerenti tersebut tidak jelas serta mengelirukan tidak berasas dan tidak dapat diterima oleh mahkamah ini.

H **Isu (2): Balasan Lampau**

[9] Defendan berhujah bahawa oleh kerana surat gerenti ditandatangani selepas surat tawaran dikeluarkan dan amaun pinjaman telah dibayar maka balasan yang diberikan adalah balasan I lampau. Defendan menyatakan bahawa surat gerenti tersebut hendaklah ditandatangani sebelum atau semasa surat tawaran diberikan kepada peminjam tersebut. Hujahan defendan ini tidak

munasabah dan tidak praktikal serta tidak berasas. Sebelum surat tawaran dikeluarkan apakah defendan telah sedia tahu bahawa dia akan menandatangani satu surat gerenti untuk menjamin seorang peminjam dari plaintif?. Apakah dokumen-dokumen berkaitan dengan pinjaman tersebut dapat dan boleh diperoses sebelum surat tawaran dikeluarkan terlebih dahulu?. Ini adalah persoalan yang jawapannya semua pihak tahu bahawa ianya tidak mungkin berlaku. Sekaligus menunjukkan bahawa hujahan defendan tersebut tidak berasas dan tidak dapat diterima. Lagipun undang-undang mengenai balasan lampau adalah jelas iaitu balasan lampau adalah tidak terpakai terhadap sesuatu surat gerenti seperti dalam kes ini oleh kerana ianya adalah satu surat gerenti yang berterusan (continuing guarantee). Ilustrasi (c) di bawah s. 80 Akta Kontrak 1950 yang dirujuk oleh defendan adalah untuk keadaan "one-off" dan tidak terpakai kepada situasi untuk gerenti berterusan. Dalam kes *Pacific & Orient Insurance Co Sdn Bhd v. Gimstern Corporation (M) Sdn Bhd & Ors* [1989] 2 CLJ 721 telah menjelaskan perbezaan mengenai ilustrasi (c) ini. Dalam kes itu, defendan-defendan selain defendan pertama telah disaman atas satu gerenti yang mereka tandatangani bagi menjamin defendan pertama di mana surat gerenti yang terlibat adalah satu gerenti yang berterusan. Mahadev Shankar J (ketika itu) telah memutuskan:

> However, the Indian decisions just cited did not deal with the effect of illustration (c) under the relevant section (Section 80 in the Malaysian Contracts Act and Section 127 in the Indian Contracts Act). It seems to me that the distinction must lie between a one-off transaction which is a closed chapter on the date on which the guarantee is given, and on going relationship, as in this case, where the claimant is only prepared to carry on doing business with the principal debtor on the strength of the guarantor's obligations.
>
> Consequently I am of the view that there is no merit in this submission.

[10] Dalam kes *Perwira Habib Bank (M) Bhd v. Saiyo Sdn Bhd & Ors* [1991] 3 CLJ 1849; [1991] 3 CLJ (Rep) 451, YA Zakaria Yatim (ketika itu) telah juga menjelaskan mengenai isu yang sama berkaitan balasan lampau yang dihujahkan oleh peguam penjamin. YA Hakim telah merujuk kepada 'preamble' surat gerenti dalam kes tersebut dan 'preamble' yang sama terdapat atas surat gerenti yang ditandatangani oleh defendan dalam kes di hadapan mahkamah ini sekarang. "Preamble' tersebut berbunyi: "In consideration of your granting or continuing to make available banking facilities or other

accommodation from time to time or granting time to Liew Poh Kiat at our request, in such manner, to such extent and for as long as you may at your sole discretion deem fit, we, the undersigned hereby agree with and guarantee you as follows:", telah memutuskan seperti berikut:

> Having considered the *Heng Chung Swee*'s case, I am satisfied that the guarantee in the present case is a continuing guarantee. Although the term loan was disbursed before the letter of guarantee was executed, from the terms of the letter of guarantee there is good consideration in this case. Section 80, illustration (c), therefore, does not apply to the present case because the situation here is different from that envisaged in illustration (c).

[11] Seperti dalam kes kita sekarang, surat gerenti yang ditandatangani oleh defendan adalah satu gerenti yang berterusan. Daripada 'preamble' surat gerenti tersebut dengan jelasnya menyatakan ianya adalah satu gerenti yang berterusan dan sebagai balasan, plaintif bersedia untuk terus memberikan kemudahan-kemudahan perbankan kepada peminjam tersebut. Lamin J (ketika itu) dalam kes *Development & Commercial Bank Bhd v. Syarikat Farmco Sdn Bhd & Ors* [1988] 3 MLJ 275 di held (2) menyatakan:

> (2) By the terms of the letter of guarantee, the guarantee must be treated as a continuing guarantee because it guaranteed not only the overdraft existing at the time but also those in the future.

[12] Di dalam kes *Public Bank Bhd v. Nik Chee Kok & Ors* [2003] 6 CLJ 401 keputusan YA Ramly Ali H (ketika itu) di mana defendan dalam kes itu telah mengemukakan isu yang sama yang mana plaintif telah melepaskan pinjaman kepada peminjam sebelum surat gerenti tersebut ditandatangani. YA Hakim telah menolak hujahan defendan tersebut setelah merujuk kepada beberapa kes terdahulu yang telah diputuskan sejak dari tahun 1615 dalam kes *Lampleigh v. Braithwait* [1615] Hobart 105 lagi. Turut diputuskan juga dalam kes tersebut bahawa walaupun tuntutan terhadap peminjam telah dihalang oleh had masa atau tindakan terhadap peminjam sebenar telah gagal dilaksanakan, namun surat gerenti tersebut masih sah dan berkuatkuasa serta boleh dilaksanakan terhadap penjamin yang menandatangani satu gerenti yang berterusan seperti dalam kes ini (lihat juga kes *Malaysia Smelting Corpn Bhd v. Foong Weng Yee & Ors* [1994] 4 CLJ 723).

[13] Hujahan defendan bahawa pelaksanaan surat gerenti tersebut bukan "at the desire of the defendant/guarantor" dan bahawa defendan tidak mempunyai apa-apa kepentingan ke atas pinjaman tersebut, juga tidak berasas. Pada tarikh pengeluaran surat tawaran kemudahan tersebut kepada peminjam, peminjam tersebut telah sedia maklum bahawa beliau perlu mendapatkan seorang penjamin dan telah memberikan nama defendan sebagai penjamin yang dicadangkan. Oleh itu sebelum nama defendan dicadangkan, defendan pasti telah dihubungi oleh peminjam tersebut untuk tujuan tersebut dan telah pasti defendan telah pun memberikan persetujuan beliau untuk menjadi penjamin kepada peminjam tersebut. Ini semua berlaku sebelum surat tawaran tersebut dikeluarkan. Oleh itu tidak munasabah hujahan defendan bahawa pinjaman tersebut tidak dipohon oleh defendan sendiri. Defendan sendiri tidak pernah menafikan bahawa kemudahan perbankan telah diberikan kepada peminjam tersebut serta tidak pernah menafikan telah melaksanakan surat gerenti tersebut. Oleh itu pembelaan defendan disini satu yang sia-sia dan satu pembelaan kosong yang cuba 'menegakkan benang yang basah'. Pembelaan defendan dalam kes ini kesemuanya tidak bermerit (lihat kes *Goh Swee Hoon & Anor v. Ewings (Australia) Pty Ltd* [1987] 2 MLJ 653).

[14] Dalam kes *Cempaka Finance Bhd v. Ho Lai Ying & Anor* [2006] 3 CLJ 544, Mahkamah Persekutuan memutuskan mengenai sijil keberhutangan sebagai bukti yang konklusif dan muktamad terhadap jumlah yang terhutang oleh peminjam, seperti berikut:

> In the present case, the guarantee contains a clause which enables the bank by producing a certificate of indebtedness by its officer to dispense with legal proof of the actual indebtedness of the respondents. It means that, for the purpose of fixing liability of the respondents, the company's indebtedness may be ascertained conclusively by a certificate.

Konklusi

[15] Sebagai konklusi, saya mendapati bahawa ini adalah satu kes yang sesuai di mana A. 14 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 terpakai. Rayuan defendan untuk mengenepikan keputusan TP tidak berasas dan keputusan TP adalah betul apabila membenarkan permohonan plaintif untuk memasukkan penghakiman terus terhadap defendan dalam kes ini. Oleh itu saya memerintahkan keputusan TP dikekalkan dan rayuan defendan ditolak dengan kos.